


BULETIN

Islamic Relief Malaysia

[Edisi 1, Jan - Mac 2020]



'SISTERHOOD WINTER MISSION' GALAS MISI BESAR



1. 'Sisterhood Winter Mission' Galas Misi Besar
2. 'Share The Joy' Raikan Kegembiraan Dengan Berkongsi Rezeki
3. FESNAIS Satukan Hiburan, Dakwah & Kerja Amal
4. Dariku Untukmu Pacu Tugas Kemanusiaan Tanpa Sempadan
5. Kempen Ramadan Bersama-Sama Satukan 32 Negara
6. Wanita Dan Perjuangan
7. Princess Solehah Rai Anak-anak RISE
8. Islamic Relief Malaysia Terus Salur Bantuan Meski Gerak Kerja Terbatas



Selaras dengan peranan sebagai sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang bertanggungjawab memberi bantuan kemanusiaan di dalam dan luar negara, Islamic Relief Malaysia menerusi skuad Sisterhood Winter Mission telah melaksanakan misi kemanusiaan ke Turki Januari lalu.

Misi ke Gaziantep dan Istanbul ini disertai oleh Ikon Kemanusiaan Islamic Relief Malaysia, Irma Hasmie dan tiga kakitangan wanita Islamic Relief Malaysia.

Objektif misi dijalankan untuk mengagihkan bantuan musim sejuk kepada pelarian Syria hasil sumbangan rakyat Malaysia menerusi kempen Rayuan Musim Sejuk yang telah dilancarkan sejak Oktober 2019.

Bantuan di bawah kempen ini bukan sahaja melibatkan pelarian Syria di Turki, malahan turut meliputi pelarian Syria yang masih berada di dalam Syria dan juga penduduk terjejas di Pakistan.

Sumbangan yang diagihkan di Gaziantep dilaksanakan dalam bentuk baucar tunai. Pendekatan ini digunakan bagi memberi peluang kepada penerima manfaat untuk memilih sendiri keperluan mereka seperti baju sejuk, sarung tangan, kasut, stokin, selimut, tilam, plastik penebat haba, arang dan kayu api di kedai-kedai terpilih mengikut kesesuaian masing-masing.

ia merupakan sebahagian daripada pakej bantuan kecemasan di Syria yang telah dilaksanakan sejak krisis mula tercetus pada tahun 2011 merangkumi pelbagai sektor bantuan yang lain.

Misi kemanusiaan ini turut dijalankan bagi memantau dan menilai projek-projek bantuan Islamic Relief di Turki.



IslamicReliefMalaysia



WhatsApp Centre
+6019-637 9788

www.islamic-relief.org.my | +603 8926 3434

SHARE THE JOY' RAIKAN KEGEMBIRAAN DENGAN BERKONGSI REZEKI

Islamic Relief Malaysia menerusi penganjuran program 'Share the Joy' telah meraikan penghuni pusat jagaan Persatuan Kanak-Kanak Istimewa Kajang (PKIK), Selangor sempena sambutan Tahun Baru Cina dengan berkongsi rezeki.

Fokus bantuan yang diberikan merangkumi 'display chiller', barang mandian, kit kebersihan dan barang keperluan dapur seperti bawang, kentang, kekacang, jem, susu pekat serta pelbagai lagi.

Meskipun Islamic Relief Malaysia merupakan NGO Islam pertama yang hadir menyantuni penghuni pusat ini, namun sebenarnya hubungan baik di antara kedua belah pihak telah mula terjalin sejak 10 tahun lalu.

Program 'Share the Joy' merupakan acara tahunan yang dijalankan selari dengan misi kemanusiaan Islamic Relief Malaysia dalam menyantuni penerima manfaat tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan warna kulit.

Ia juga salah satu cara dalam memastikan amanah dan tanggungjawab sosial yang digalas dapat disalurkan kepada penerima manfaat secara menyeluruh agar mereka terus disantuni dan mendapat perhatian masyarakat sekeliling.

Pendekatan ini turut dilihat sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030) yang mahu memastikan tiada lapisan masyarakat merasa terpinggir.

Meskipun PKIK berada di kawasan rumah kedai, namun ia lengkap dengan pelbagai kemudahan serta alat bantu mengajar yang bagus. Pusat ini telah berjaya menabur bakti kepada kanak-kanak istimewa juga keluarga mereka yang datang dari kalangan masyarakat Cina, India dan Melayu sejak 25 tahun lalu.

Islamic Relief Malaysia berharap program sebegini dapat terus memberi impak positif kepada semua pihak dalam konteks mewujudkan suasana harmoni dalam kalangan masyarakat majmuk yang merangkumi pelbagai kaum.



FESNAIS SATUKAN HIBURAN, DAKWAH, DAN KERJA AMAL

Kolej Pendeta Za'ba Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Islamic Relief Malaysia telah menganjurkan Festival Nasyid Peringkat IPTA/IPTS (FESNAIS) 2020 dan Konsert Amal #KITA4WATER di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR) UKM.

Kolaborasi ini menjadi jambatan penghubung dalam membantu projek air, sanitasi dan kebersihan (WASH) yang akan membantu tiga negara iaitu Somalia, Bangladesh dan Malawi menerusi sumbangan 10 peratus daripada hasil jualan tiket konsert kepada Islamic Relief Malaysia.

Program ini merupakan acara tahunan yang dijalankan di peringkat IPTA/IPTS bagi mencungkil bakat nyanyian serta idea kreatif mahasiswa dalam menghasilkan lagu-lagu ketuhanan.

FESNAIS juga membuka jalan yang lebih luas kepada para peserta untuk melonjakkan bakat mereka dalam industri nasyid tanah air kerana penganjur turut menjemput beberapa wakil syarikat rakaman ke program ini.

Objektif lain penganjuran program dua dalam satu yang bertemakan "Alunan Seni Dakwah Bil Hikmah" ialah bagi menerapkan semangat kepimpinan serta menjadi platform untuk mahasiswa dan mahasiswi berbakti kepada masyarakat menerusi program amal yang dijalankan.

Memandangkan dunia kini sudah ketandusan kasih sayang, justeru peranan anak muda dilihat sangat penting dalam menggerakkan penyebaran kasih sayang termasuk menerusi medium dakwah dalam nyanyian.

Selain persembahan para peserta nasyid, program ini turut menampilkan persembahan nyanyian daripada kumpulan Devotees dan Haqiem Rusli manakala Ashraf Muslim, Ikon Kemanusiaan Islamic Relief Malaysia dijemput menjadi salah seorang wakil juri jemputan.



DARIKU UNTUKMU PACU TUGAS KEMANUSIAAN TANPA SEMPADAN

Selaras dengan peranan sebagai sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang bertanggungjawab memberi bantuan kemanusiaan di dalam dan luar negara, Islamic Relief Malaysia tampil melancarkan kempen Dariku Untukmu...Kemanusiaan Tanpa Sempadan yang berlangsung dari 14 Februari 2020 hingga 31 Disember 2020.

Kempen ini menyasarkan kutipan dana sebanyak RM15 juta dan bakal merubah kehidupan lebih 100,000 penerima manfaat di lebih 30 buah negara menerusi bantuan kemanusiaan dan bantuan program bermusim.

Fokus bantuan terbahagi kepada tiga sektor utama iaitu kecemasan, air, sanitasi dan kebersihan serta kehidupan mampan melalui kempen Dariku Untukmu...Selamatkan Mereka!, Dariku Untukmu...Setitis Harapan dan Dariku Untukmu...Langkah Berani.

Bagi bantuan program bermusim, ia meliputi agihan pek makanan Ramadan, agihan daging korban dan bantuan musim sejuk menerusi kempen Ramadan Bersama-sama, Qurbani Untukmu dan Rayuan Musim Sejuk.

Pendekatan ini merupakan salah satu usaha dalam menghubungkan penderma dengan penerima manfaat tanpa mengira perbezaan bangsa, agama dan warna kulit juga sebagai platform dalam menyampaikan suara-suara golongan terkesan agar masyarakat sentiasa cakna dengan isu-isu kemanusiaan yang sedang berlaku.



KEMPEN RAMADAN BERSAMA-SAMA SATUKAN 32 NEGARA

Islamic Relief secara keseluruhannya sedaya upaya untuk membantu seramai mungkin penerima manfaat di seluruh dunia menerusi agihan pek makanan di bulan Ramadan.


Ia selaras dengan agenda 'Sustainable Development Goals' yang ke-2 iaitu 'Zero Hunger'.

Sasaran dana RM 2.5 juta bagi kempen Ramadan Bersama-sama bertujuan untuk membantu 59,250 penerima manfaat di 32 buah negara termasuk Malaysia, Myanmar, Yaman, Syria, Palestin, Somalia, Kosova dan lain-lain.

Lokasi terjejas yang dipilih adalah antara negara-negara yang tersenarai sebagai negara berpopulasi tinggi, mengalami ancaman nutrisi dan makanan, menghadapi kemelesetan ekonomi dan menampung jumlah penduduk yang tinggi kedudukannya di bawah paras kemiskinan selain turut mengalami krisis kemanusiaan berterusan.

Terdapat dua pakej sumbangan yang ditawarkan iaitu RM180 dan RM300 bermula 25 Februari hingga 23 Mei 2020. Bagaimanapun, sekiranya ada yang ingin menyumbang kurang daripada jumlah yang ditetapkan, ianya tetap diterima dan penyumbang boleh berbuat demikian menerusi sumbangan Sedekah Ramadan.

Islamic Relief Malaysia berharap perlaksanaan program tahunan ini dapat meringankan beban penerima manfaat serta memberi mereka peluang untuk lebih fokus melaksanakan ibadah tanpa perlu menghadapi kerisauan melampau apabila memikirkan juadah yang ingin disediakan untuk sahur dan iftar.



WANITA DAN PERJUANGAN

Menyedari akan kepentingan wanita yang berperanan sebagai tonggak harapan aspirasi negara, Islamic Relief Malaysia telah mengambil inisiatif untuk turut meraikan kaum hawa sempena Hari Wanita Sedunia pada 8 Mac sebagai simbolik penghargaan kepada wanita yang telah memberikan sumbangan besar kepada masyarakat dan negara.

Menerusi ruang bicara santai dengan topik ‘Wanita dan Perjuangan’ yang diadakan di Charity Shoppe Islamic Relief Malaysia pada 7 Mac lalu, dua ikon kemanusiaan Islamic Relief Malaysia, Irma Hasmie Ibrahim dan Dr Aizan Sofia Amin telah berkongsi pengalaman dan pandangan mereka sebagai wanita moden yang berjuang dalam arus globalisasi.

Menurut Irma Hasmie Ibrahim, pengalaman melihat kecekalan golongan wanita dan kaum ibu yang ditemui ketika mengikuti misi kemanusiaan ke Marawi, Filipina dan Gaziantep sempadan Turki, banyak mengajarnya untuk terus kuat menghadapi setiap ujian mendatang.

Berbeza pula dengan kisah Dr Aizan Sofia Amin yang diuji dengan penyakit kanser tulang seawal usia 14 tahun hingga mengakibatkan sebelah kakinya terpaksa dipotong.

Pengalamannya pernah disisihkan kerana berstatus Orang Kelainan Upaya (OKU), menjadi titik tolak untuk dia melanjutkan pelajaran ke peringkat doktor falsafah dalam kajian ‘disabilities’ di Universiti Glasgow, Scotland bagi mengupayakan komuniti serta memberi inspirasi kepada golongan OKU untuk terus bersemangat meningkatkan kemajuan diri.

Turut hadir sebagai panel, selebriti jemputan, Asmawi Ani (Mawi). Dia menyimpulkan bahawa kaum wanita adalah golongan yang tabah dan sangat berdikari.

Pandangan dan persepsi ini lahir apabila dia melihat sendiri kecekalan ibunya dalam mendidik dan membesarinya manakala kesinambungan ini diteruskan oleh isterinya, Ekin atau nama sebenarnya Nora Asyikin Rahmat yang sanggup berkorban menjaganya ketika dia terlantar sakit baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia, Zairulshahfuddin Zainal Abidin juga sempat menzahirkan kata-kata penghargaan kepada petugas kemanusiaan wanita di Islamic Relief yang telah berjaya membuktikan perjuangan wanita dalam pembentukan dan pembangunan masyarakat melalui kerja-kerja kemanusiaan yang telah dijalankan sama ada di dalam maupun luar negara.



PRINCESS SOLEHAH RAI ANAK-ANAK RISE

Seramai 57 orang pelajar Refugee Intellectual Skills and Excellence (RISE) berumur dalam lingkungan 5 hingga 17 tahun telah menerima sumbangan barang dari pengasas Little Caliphs International Sdn Bhd, Hajjah Sabariah Faridah Haji Jamaluddin pada 9 Mac yang lalu.

Penyerahan barang tersebut telah diwakili oleh ikon selebriti Islamic Relief Malaysia, Irma Hasmie Ibrahim yang bertujuan untuk memupuk kepentingan bersedekah disamping membuktikan bahawa nilai pembelajaran tidak cuma tertumpu kepada teori, namun dipraktikkan secara lahiriah agar mampu memberikan implikasi yang signifikan kepada anak-anak di RISE.

Barangan yang disumbangkan kepada anak-anak di RISE adalah koleksi produk keluaran Little Caliph International iaitu 'Princess Solehah' berupa peralatan tulis, botol air dan tudung yang mengetengahkan kehidupan persis srikandi muslimah pada zaman anbiya' untuk dijadikan contoh ikutan kepada anak-anak.

Rata-rata pelajar yang kebanyakannya terdiri daripada anak-anak komuniti Rohingya ini gembira dan melahirkan rasa syukur yang tidak terhingga atas sumbangan yang diperolehi.

Ini sedikit sebanyak dapat menzahirkan keprihatinan masyarakat Malaysia terhadap mereka sekaligus membuktikan bahawa keberadaan mereka di negara ini tidak pernah dilupakan sama sekali.

Islamic Relief Malaysia juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Little Caliphs serta pengasasnya, Hajjah Sabariah Faridah Haji Jamaluddin di atas sumbangan yang diberikan.

Bagi RISE pula, pintu pusat bimbingan alternatif ini sentiasa terbuka luas untuk menerima kunjungan daripada mana-mana pihak yang ingin melaksanakan sebarang aktiviti sama ada berbentuk ilmiah atau secara santai agar anak-anak di sini dapat menimba pengalaman dalam menyantuni tetamu, menjalankan ukhwah serta mempelajari ilmu baru yang dikongsikan.



ISLAMIC RELIEF MALAYSIA TERUS SALUR BANTUAN MESKI GERAK KERJA TERBATAS

Dalam melalui fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, Islamic Relief Malaysia terus proaktif menyalurkan bantuan kepada golongan terjejas meski proses gerak kerja di lapangan terbatas. Antara bantuan yang telah diberikan ialah 1000 helai topeng muka N95 kepada Akademi Audit Negara (AAN) yang menjadi pusat kuarantine bagi rakyat Malaysia yang baru pulang dari Iran. Sembilan kotak makanan yang mengandungi biskut, makanan segera, susu, air kotak, dan air mineral kepada petugas barisan hadapan di Pusat Kuarantine, Hospital Ampang, Selangor; dan dua unit 'pharmaceutical refrigerator' untuk bahagian farmasi di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, Negeri Sembilan dengan usaha sama Persatuan Pelajar MRSM Malaysia (Ansara), Taiping, Perak.

Selain itu, sukarelawan Islamic Relief Malaysia yang terdiri daripada ahli jawatankuasa Bilik Gerakan Khas (BGK) Pantai Timur telah menyalurkan bantuan keperluan asas seperti beras, telur, sardin, tepung dan minyak masak kepada 80 keluarga yang menghidap penyakit kronik di kalangan komuniti petani dan penoreh getah di sekitar Batu Karang dan Kedai Buloh, Pasir Mas, Kelantan.

BGK Pantai Timur turut memberikan bantuan makanan berupa nasi ayam kepada 60 keluarga penoreh getah di sekitar Rantau Panjang, Kelantan.

Tidak hanya di semenanjung, kakitangan Islamic Relief Malaysia di Borneo juga berusaha meringankan beban golongan terjejas dengan kerjasama MyAmal dan Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) dengan mengagihkan pek makanan yang mengandungi beras, biskut, gula, dan sebagainya kepada penduduk di kawasan Inanam dan Menggatal, Sabah.

Komuniti pelarian juga tidak diabaikan kebajikannya. Seramai 60 keluarga Rohingya yang juga ibu bapa penjaga kepada para pelajar di pusat bimbingan alternatif Refugee Intellectual Skills & Excellence (RISE) telah menerima bantuan pek makanan keperluan asas, ayam segar, kit kebersihan dan bantuan kewangan.

Islamic Relief Malaysia melalui dana yang dikumpulkan daripada tabung kempen Rayuan Kecemasan COVID-19 menyalurkan bantuan kewangan kepada agensi-agensi dan institusi-institusi barisan hadapan seperti pihak hospital bagi membantu proses pembelian barang Personal Protective Equipment (PPE) seperti 'face mask', 'surgical gown', 'head cap', 'face shield', dan 'hand sanitizer'. Selain menyalurkan bantuan barang seperti kelengkapan perubatan dan 'sleeping chair', pusat jagaan warga emas, ibu tunggal, peniaga, penjaja kecil yang hilang punca pendapatan, dan juga keluarga yang berpendapatan harian turut menerima bantuan ini.

Penerima manfaat di Bosnia & Herzegovina juga antara penerima manfaat yang menerima bantuan kit kebersihan yang mengandungi topeng muka dan 'hand sanitizer' hasil sumbangan rakyat Malaysia menerusi kempen rayuan kecemasan ini.

Bantuan bagi golongan tejejas Covid-19 ini akan terus diagihkan dari semasa ke semasa mengikut perancangan dan keperluan mendesak penerima manfaat serta pihak hospital yang telah dikenalpasti.



AKTIVITI ISLAMIC RELIEF MALAYSIA 2020

Bulan
1

- 4:** Sumbangan Wakaf Al-Quran di Kelantan
- 8:** Majlis Pembukaan Kelas Al-Quran Muslimah dan Penyampaian Naskhah Al-Quran di Kelantan
- 8:** Kunjungan Hormat Ke Yayasan Khazanah, Shah Alam, Selangor
- 11:** Flash Sale di Charity Shoppe, Islamic Relief Malaysia
- 13:** Lawatan ke RTM Sarawak, Pejabat Mufti Sarawak, JAKIM Sarawak, Hikmah Sarawak
- 14:** Lawatan ke UNIMAS, Jabatan Wanita & Keluarga, Sarawak, PERYATIM,
- 15:** Lawatan ke JHEAINS, MCMC Sabah, MASwings, Sabah
- 16:** Lawatan ke RTM Sabah, UMS, Hospital Wanita & Kanak-kanak Sabah
- 16:** Sesi Perkongsian Hala Tuju & Pelan Strategik NGO Islam di Kuala Lumpur
- 17:** Lawatan ke Pejabat Mufti Sabah, YADIM Sabah & Tabung Haji Cawangan Sabah
- 18:** Pameran Booth di Cyberjaya
- 18:** Jualan Amal Winter Sale Islamic Relief X Sugarscarf
- 18 - 25:** Sisterhood Winter Mission ke Gaziantep, Turki
- 19:** Sesi Perkongsian topik Kemanusiaan di Konvensyen Kewangan Keusahawanan Islam, Cyberjaya
- 29:** Sesi Perkongsian Rayuan Musim Sejuk di KWSP, Kuala Lumpur
- 30:** Bicara Dhuha topik Derita Syria di Masjid Al-Mustaqim, Taman Nirwana Ampang, Selangor
- 30:** Bicara Kemanusiaan di Masjid Teras Jernang, Bangi, Selangor

Bulan
2

- 5:** Share The Joy di Kajang, Selangor
- 16:** Pameran Booth di UKM, Bangi, Selangor
- 19:** Sesi Perkongsian Kemanusiaan: Selamatkan Bumi Yang Tandus, Somalia di Politeknik Banting, Selangor
- 27:** Friendly Futsal Kakitangan & Ikon Islamic Relief Malaysia
- 29:** Jualan Amal Pre Ramadan Islamic Relief X Sugarscarf

Bulan
3

- 7:** Sembang Santai - Hari Wanita Sedunia
- 8:** Sesi Perkongsian Syria, Cakna yang Membina Kemanusiaan di Surau Sayyidina Umar Al-Khattab, Bandar Seri Putra, Bangi
- 8:** Pameran Booth di Masjid Bandar Bukit Puchong
- 9:** Penyerahan Sumbangan Alat Tulis Daripada Little Caliph di Refugee Intellectual Skills & Excellence, Kajang, Selangor
- 23:** Edaran Topeng Muka di Akademi Akauntan Negara, Nilai, Negeri Sembilan
- 25 - 27 & 29:** Edaran pek makanan Covid-19 di Inanam, Menggatal, Tamparuli, Papar & Ranau, Sabah
- 27:** Edaran Makanan Covid-19 di Hospital Ampang, Selangor

PEJABAT MALAYSIA

A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5 ,Seksyen 9,
43650, Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia

Tel: +603 8926 3434 Fax: +603 8925 3434

IBU PEJABAT (HQ)

19 Rea Street South, Birmingham, B5 6LB, United Kingdom.

Tel: +44 121 605 5555 Fax: +44 121 622 5003

PEJABAT OPERASI:

Afghanistan | Albania | Australia | Bangladesh | Bosnia & Herzegovina | Canada |
Chad | Chechnya | China | Ethiopia | Germany | India | Indonesia | Iraq | Italy |
Jordan | Kenya | Kosova | Lebanon | Malaysia | Malawi | Mauritius | Myanmar |
Middle East | Nepal | Niger | Pakistan | Palestine | Somalia | South Africa | South Sudan |
Sri Lanka | Sudan | Sweden | Switzerland | Syria | The Philippines | Tunisia |
United Kingdom | USA | Yemen



CARA SUMBANGAN

1. DALAM TALIAN (Online)

bit.ly/derma-online

2. LUAR TALIAN (Offline)

www.islamic-relief.org.my > Jom Derma > Offline Donation

3. MESIN ATM (Deposit Tunai)

4. PEJABAT ISLAMIC RELIEF MALAYSIA / CHARITY SHOPPE

(Tunai / Cek / Kad Kredit)



NOMBOR AKAUN

(Sumbangan di atas nama **ISLAMIC RELIEF MALAYSIA**)

1. Maybank Islamic - 5621 4270 8704
2. CIMB Islamic - 860 2073818
3. MBSB Bank - 1005025100000166
4. Bank Rakyat - 11080 10000 35
5. Affin Islamic - 10 671 000278 4
6. Bank Islam - 12 029 01 006564 3

7. JomPay

Biller Code: 90670

Ref-1: No.KP

Ref-2: Emel / No. Tel

JomPay online di Perbankan Internet
dan Telefon Mudah Alih dengan akaun
semasa, simpanan atau kad kredit



BUKTI PEMBAYARAN

Sila Emel / WhatsApp NAMA, NO. KP, NO. TEL,
ALAMAT & EMEL berserta SLIP PEMBAYARAN
kepada donation@islamic-relief.org.my / +6019 630 9788
untuk rujukan kami



Islamic Relief
Malaysia



www.islamic-relief.org.my | +603 8926 3434

[IslamicReliefMalaysia](#)



WhatsApp Centre
+6019-637 9788